



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE ATAS PUAN MICHELLE BEKKERING, *DEPUTY UNDER SECRETARY FOR TRADE AND FOREIGN AGRICULTURAL AFFAIRS, UNITED STATES DEPARTMENT OF AGRICULTURE (USDA)*

AMERIKA SYARIKAT, 22 JANUARI 2026 – YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), telah melakukan kunjungan hormat kepada Puan Michelle Bekkering, *Deputy Under Secretary for Trade and Foreign Agricultural Affairs, United States Department of Agriculture (USDA)*, pada 20 Januari 2026 sempena lawatan kerja beliau ke Amerika Syarikat (AS) dari 17 hingga 24 Januari 2026.

Pertemuan di Washington, D.C. ini merupakan yang terkini dalam siri beberapa pertemuan peringkat tertinggi antara KPKM dan USDA dalam usaha kedua-dua negara memperkukuh kerjasama teknikal serta meningkatkan tahap kepercayaan bersama dalam memastikan keselamatan makanan dan kelancaran perdagangan produk pertanian antara Malaysia dan AS, terutamanya selepas pemeteraian *Agreement on Reciprocal Trade (ART)* pada 26 Oktober 2025.

Dalam pertemuan tersebut, YBhg. Datuk Seri Isham meneroka peluang pasaran baharu bagi produk-produk Malaysia, serta potensi kerjasama strategik dalam pemodenan pertanian, dengan fokus untuk meningkatkan produktiviti, mengukuhkan keterjaminan makanan serta menangani isu kelestarian alam sekitar.

Di akhir pertemuan, YBhg. Datuk Seri Isham menjemput penyertaan sektor industri AS dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) 2026 yang akan diadakan dari 28 Ogos hingga 6 September 2026 dengan tema “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”.

Nilai perdagangan pertanian antara Malaysia dan AS direkodkan sebanyak RM14.68 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2025, sekali gus mencerminkan peranan AS sebagai rakan strategik penting Malaysia dalam rantai bekalan makanan global.

Delegasi Malaysia turut disertai oleh Puan Siti Salwahanim, Setiausaha Bahagian Antarabangsa KPKM, pegawai dari Kedutaan Besar Malaysia serta pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pertanian Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

